



# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**18 Syawal 1443 / 19 Mei 2022**

- I. Semalam, Rabu, 17 Syawal 1443 bersamaan dengan 18 Mei 2022, sebanyak **196** dos pertama vaksin telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang membawa kepada jumlah keseluruhan pemberian vaksin dos pertama kepada 32,836 dos iaitu **76.5%**. Manakala, sebanyak **1,176** dos kedua vaksin COVID-19 telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang membawa kepada jumlah dos kedua yang diberikan kepada kanak-kanak di dalam kumpulan umur ini kepada 13,058 dos iaitu **30.4%**.
2. Sementara itu, liputan bagi rakyat dan penduduk negara ini yang telah mendapatkan tiga dos vaksin adalah pada kadar **69.0%**.
3. Hari ini, Khamis, 18 Syawal 1443 bersamaan dengan 19 Mei 2022, sebanyak **262 kes baru** telah dilaporkan iaitu 253 kes hasil ujian ART dan 9 kes adalah hasil dari 341 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu. Oleh itu, jumlah keseluruhan kes

yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam setakat ini ialah **145,783** kes. Statistik harian COVID-19 yang lain pula adalah seperti berikut:

- i) **Tidak ada kes** yang dikategorikan dalam Kategori 5 yakni mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) dan **tidak ada kes** sedang berada di kategori 4 yakni mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
  - ii) Sebanyak **143 kes telah disahkan sembah** yang membawa jumlah kes yang sembah kepada **143,620 kes**.
  - iii) Jumlah kes aktif pula ialah sebanyak **1,942 kes** iaitu 17 kes sedang dirawat di hospital manakala 1,925 kes sedang menjalani pengasingan diri di rumah.
4. Sementara itu, Kementerian Kesihatan Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan orang ramai bahawa perisian aplikasi BruHealth akan dikemaskini dan dinaiktaraf (*upgrade*) kepada BruHealth versi 3.0 bermula pada hari Ahad, 22 Mei 2022 yang mana beberapa ciri baru juga akan diperkenalkan. Dengan pengemaskinian ini, aplikasi BruHealth akan dapat digunakan sebagai Aplikasi Kesihatan Digital (*Digital Health App*) yang membolehkan pengguna menggunakananya untuk merancang aktiviti-aktiviti cara hidup sihat (*health plan*) yang disesuaikan (*tailored*) mengikut keperluan setiap pengguna.

Antaralain, *BruHealth 3.0* akan mempunyai,

- **User Interface (UI) yang terkini;**

- **Log masuk akaun menggunakan ciri ID Biometrik (Biometric ID)** atau kata laluan;
- **All-in-One Code Scanner** yang dapat mengimbas kod QR secara automatik bagi Sijil Vaksinasi, kod QR BruHealth di premis-premis dan Sijil Pemulihan; dan
- Pembaharuan dalam **Help features** yang akan memudahkan pengguna jika mempunyai sebarang masalah dalam penggunaan *BruHealth*.

*BruHealth 3.0* juga akan mengandungi dua program kesihatan yang baru iaitu **BN on the Move** dan **Check in Challenge** yang mana kedua-dua program ini akan dilancarkan dan akan mula digunakan dalam masa terdekat.

Dalam pada itu, kesemua pengguna yang berdaftar di dalam *BruHealth* perlulah membuat log masuk semula ke dalam aplikasi *BruHealth* pada hari tersebut serta mengemaskini perisian *BruHealth* mereka sebelum boleh menggunakan aplikasi *BruHealth 3.0* nanti.

5. Semoga segala usaha kita dalam memastikan kualiti kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini terus berada di tahap yang tinggi akan dipermudahkan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala juga. Dan semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya

akan sentiasa terpelihara dari segala musibah dan bencana wabak penyakit. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 18 Syawal 1443H / 19 Mei 2022